NOTIS SEBUTHARGA
(TAWARAN TERBUKA)

Sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan pendaftaran masing-masing yang masih sah laku selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga bagi pembekalan berikut:-

No Kontrak	Tajuk Sebutharga	Pendaftaran	Harga Dokumen Sebutharga (RM)	Tarikh Tutup (Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari)
QUO/IT/13/20(NS)	Data Center & Network Rooms Equipment Support & Warranty Renewal	SSM - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Sertakan Maklumat Perniagaan/Korporat). Dan KKM - Kementerian Kewangan Malaysia 210102, 210105 (jika ada)	30.00	28/09/2020

Naskah Meja Sebutharga akan dipamerkan mulai 14/09/2020 di Seksyen Pengurusan Kontrak, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd, L4 ICT Fasa 1B, Tingkat 4, KOMTAR, Pulau Pinang

Dokumen sebutharga ini akan mulai dijual pada waktu pejabat (9 pagi hingga 4 petang) mulai 14/09/2020 di Seksyen Pengurusan Kontrak, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd., ICT Fasa 1B, Tingkat 4, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.

Dokumen Sebutharga hanya akan diberi kepada wakil pembekal yang sah. Untuk maksud ini wakil pembekal hendaklah menghadiri dan membawa bersama SIJIL ASAL dan SALINAN Sijil Asal Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)(Maklumat Perniagaan/Korporat) dan Surat Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)(jika ada) dengan setiap satu salinan fotostatnya untuk simpanan pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd.

Bayaran harus dibuat dalam bentuk wang tunai atau bank deraf atas nama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar melalui sampul surat yang dimeteri dan ditandakan dengan tajuk sebutharga di sudut sebelah kiri dan dialamatkan kepada:-

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.
L4 ICT FASA 1B, TINGKAT 4, KOMTAR
10000 PULAU PINANG

dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Seksyen Pengurusan Kontrak, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd., L4, ICT, Phase 1B,Tingkat 4, KOMTAR, Pulau Pinang.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF